

MAJLIS PERPISAHAN UNTUK PENSYARAH PERAKAUNAN

Pada 24 Mei 2011 telah berlangsung majlis perpisahan bagi meraikan dua orang pensyarah Program Perakaunan Tn. Hj. Ab. Razak Ab. Lah yang menamatkan perkhidmatan sebagai pensyarah serta Pn. Sharon Cheuk yang berpindah ke Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) mengikuti suami beliau yang bertugas di Sarawak. Dekan SPE, Prof Madya

Dr. Hjh. Arsiah Hj. Bahron dalam ucapan ringkasnya mengucapkan terima kasih atas khidmat cemerlang yang diberikan oleh kedua-dua pensyarah tersebut sepanjang mereka berkhidmat di UMS. Kedua-dua mereka turut diberikan cenderamata sebagai tanda penghargaan dan kenang-kenangan.

